

U B242 BAH
MAHATHIR - SABAH

KUALA LUMPUR, 9 NOV (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA TERDAPAT USAHA YANG BERGASA DIBUAT OLEH KERAJAAN SABAH UNTUK MEMBENTUK PERASAAN ANTI KERAJAAN PUSAT DI KALANGAN ANAK-ANAK MUDA SABAH MENERUSI SEBUAH INSTITUT YANG DINAMAKAN INSTITUT POLITIK EKONOMI YANG AKAN DIWUJUDKAN OLEH PARTI BERSATU SABAH (PBS).

KATANYA, PUSAT ITU DIRANCANG MENYERUPAI KONSEP PUSAT BINA SEMANGAT DI SEMENANJUNG TETAPI IA BERTUJUAN +MEMBINA SEMANGAT ANTI KERAJAAN PUSAT+ DI KALANGAN RAKYAT SABAH.

+PENDUDUK DI SABAH TERUTAMA PEMUDA AKAN DIBERI LATIHAN DALAM PELAT INI SUPAYA MEREKA MENJADI ANTI KERAJAAN PUSAT ATAU DALAM PERKATAAN LAIN MEREKA AKAN DI BRAINWASH+, KATANYA SEMASA DIMINTA OLEH PEMBERITA MENGULAS MENGENAI BEBERAPA TINDAKAN KERAJAAN NEGERI ITU YANG DIANGGAP BERTENTANGAN DENGAN DASAR KERAJAAN PUSAT.

BARU-BARU INI KETUA MENTERI SABAH DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN YANG JUGA PRESIDEN PBS MENGUMUMKAN RANCANGAN PBS MEMBINA INSTITUT ITU UNTUK MELATIH KADER-KADER PARTI BAGI MENGHADAPI CABARAN MASA DEPAN. TENAGA PENGAJARNYA DARI KALANGAN INTELEK DAN PROFESIONAL AKAN BERTANGGUNGJAWAB KEPADA MAJLIS TERTINGGI PBS.

KATANYA, INSTITUT ITU AKAN MENYEDIA DAN MELAKSANAKAN PROGRAM LATIHAN BERKAITAN DENGAN KEPIMPINAN POLITIK, PENGURUSAN, PENTADBIRAN, SIVIK DAN MORAL, PEMBANGUNAN MANUSIA DAN SEMANGAT BERDIKARI. -- LAGI.

1552MST 09 11 90

U B243 BAH
MAHATHIR - SABAH 2 KUALA LUMPUR

SEMASA DITANYA SAMPA ADA KERAJAAN PUSAT AKAN MENGAMBIL TINDAKAN TERHADAP NEGERI ITU SEKIRANYA DIDAPATI PROGRAM DI INSTITUT ITU MENJEJASKAN KESELAMATAN NEGARA, PERDANA MENTERI TIDAK MENOLAK KEMUNGKINAN TINDAKAN SEWAJARNYA AKAN DIAMBIL.

+SETAKAT INI BELUM ADA BUKTI YANG USAHA BRAINWASH INI MENJEJASKAN KESELAMATAN TETAPI KITA AKAN PERHATI SELANJUTNYA+, KATANYA.

BELIAU BERKATA, KERAJAAN JUGA AKAN MENELITI SAMPA ADA AKAN TIMBUL TINDAKAN SEPERTI USAHA MEMBAWA KELUAR SABAH DARI MALAYSIA DAN SEBAGAINYA MELALUI USAHA +BRAINWASH+ INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA WALAUPUN USAHA +BRAINWASH+ ITU DIANGGAP HAK KERAJAAN NEGERI, DALAM MASA YANG SAMA KERAJAAN PUSAT JUGA BERHAK MENEGASKAN KEPADA RAKYAT SABAH BAHAWA MEREKA JUGA ORANG MALAYSIA.

INI KERANA KEBANYAKAN ORANG SABAH TIDAK BEGITU BENCI DENGAN KERAJAAN PUSAT ATAU ORANG SEMENANJUNG TETAPI YANG MENJADIKAN SESETENGAH DARIPADA MEREKA BERSIKAP DEMIKIAN, IALAH HASIL DARIPADA USAHA +BRAINWASH+ ITU. -- LAGI.

1554MST 09 11 90

R B247 BAH
MAHATHIR - SABAH 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MEMANG JELAS SEKARANG KERAJAAN SABAH TIDAK LANGSUNG MEMATUHI APA JUA DASAR KERAJAAN PUSAT TERMAKSI DALAM ISU PEMBALAKAN.

KATANYA, KERAJAAN PUSAT SEJAK DAHULU LAGI MENASIHATKAN SUPAYA SABAH MENGURANGKAN PENGELUARAN KAYU BALAK UNTUK MENJAGA KEGUNAAN INDUSTRI DALAM NEGERI.

PEMBALAKAN YANG BERTERUSAN INI SEBENARNYA LEBIH MEMBERI KESAN KEPADA SABAH SENDIRI KERANA PUNCA PENDAPATAN AKAN SEMAKIN BERKURANGAN, KATA BELIAU.

DARUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN PUSAT TIDAK MEMPUNYAI KUASA UNTUK MENGHALANG DASAR KERAJAAN SABAH ITU KERANA KUASA MENGENAI SUMBER ALAM DI BAWAH JAGAAN KERAJAAN NEGERI.

UNDANG-UNDANG MENGENAI BIDANG KUASA NEGERI SEPERTI INI TIDAK BOLEH DIPINDA KECUALI DENGAN PERSETUJUAN KERAJAAN NEGERI SENDIRI, KATANYA KEPADA PERTANYAAN SAMA ADA UNDANG-UNDANGN MENGENAINNYA AKAN DIPINDA.

APABILA DITANYA MENGENAI TUNTUTAN KERAJAAN SABAH SUPAYA KERAJAAN PUSAT MEMBERI PAMPASAN SEKIRANYA PENGELUARAN DIHENTIKAN, PERDANA MENTERI MENJAWAB BAHAWA BEBAN SEPERTI ITU MERUPAKAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA. -- LAGI.

1637MST 09 11 90

R B248 BAH
MAHATHIR - SABAH 4 KUALA LUMPUR

SEMASA MENGULAS PEMECATAN TAN SRI ZAIN AZRAAI SEBAGAI PENERUSI SABAH FOREST INDUSTRIES (SFI), DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU KURANG PASTI KEPUTUSAN ITU MERUPAKAN HAK KERAJAAN NEGERI.

+TETAPI YANG SAYA TAHU KERAJAAN PUSAT MENJADI PENJAMIN KEPADA PINJAMAN-PINJAMAN YANG DIBUAT OLEH SFI BAHKAN IA MEMBERI PERUNTUKAN BAGI MENGATASI MASALAH KEWANGAN YANG DIHADAPI OLEH SYARIKAT INI,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA BUAT MASA INI KERAJAAN PUSAT SEDANG MENGAJI SETAKAT MANA IA BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP SFI TERUTAMA SEKARANG APABILA IA TIADA WAKIL DALAM PENGURUSAN SYARIKAT ITU.

+KALAU KITA TIADA KUASA UNTUK MENGURUS SESUATU DI MANA KITA MENJADI PENJAMIN DAN MENGELUARKAN PERUNTUKAN WANG, MAKA KITA HARUS MEMIKIRKAN SAM ADA UNTUK TERUS MENJADI PENJAMIN ATAU TIDAK,+ KATANYA.

APABILA DITANYA MENGENAI PERLANTIKAN YANG DIPERTUA DEWAN NEGARA PULA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PERKARA ITU TELAH DIBINCANGKAN DAN PERLANTIKAN AKAN DIBUAT TIDAK LAMA LAGI.

TIMBALAN YANG DIPERTUA, DATUK CHAN CHONG TAK KINI DISEBUT-SEBUT AKAN DILANTIK UNTUK MEMEGANG JAWATAN ITU. -- BERNAMA.

1639MST 09 11 90